

***SHOW YOUR FAVOURITE COLOUR* TEMA MAKAN MALAM KOMUNIKASI**

Oleh : Norsidah Roslan

SABTU, 30 MAC - Dewan Palace Hotel Karamuning ternyata meriah dengan sambutan Majlis Makan Malam Kelab Komunikasi Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan bertemakan 'Show Your Favourite Colour' bagi sesi 2013.

Majlis tersebut dirasmikan oleh Ketua Program Komunikasi Sekolah Sains Sosial (SSS), Dr. Haryati Abdul Karim yang mewakili Dekan Sekolah Sains Sosial menerusi upacara

memotong kek sebagai simbolik perasmian manakala Mohd Zaki Bin Yakin, pelajar tahun 3, bertindak sebagai pengarah program.

Turut berlangsung pada majlis tersebut adalah persembahan dokumentari Kuih Cincin yang merupakan projek akhir pelajar-pelajar tahun 3, penyampaian Anugerah Pelajar Berpersonaliti juga sijil untuk Anugerah Dekan bagi pelajar 1, 2 dan 3 yang mendapat keputusan CGPA 3.5 dan ke atas pada semester lalu.

Majlis itu turut diselitkan dengan beberapa persembahan daripada wakil pelajar bagi setiap tahun dan diselang-selikan dengan aktiviti cabutan bertuah manakala tayangan video berkaitan isu Lahad Datu juga turut dipertontonkan.

Kemuncak majlis adalah penentuan bagi Anugerah King dan Queen yang dimenangi oleh saudara Alyusaini Pansu dan saudari Thecla Christee Eve binti Tailin yang mewakili pelajar tahun akhir bagi semester ini.